



KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA (National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia)

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 6258 2946 (Ibu Pejabat)

Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725 Fax : 03-6253 0261

E-mel: mail@nutp.org.my / nutphq@gmail.com Laman Web: <http://www.nutp.org.my>

f : Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia @nutphq

Presiden

Sdr. Aminuddin Bin Awang

Setiausaha Agung

Lt. Kol. Bersekutu (PA) Harry Tan Huat Hock, PJK

KENYATAAN AKHBAR

Kepada : Ketua Pengarang
Semua Akhbar dan Media Tempatan

Daripada : Lt. Kol. Bersekutu (PA) Harry Tan Huat Hock, PJK
Setiausaha Agung NUTP


Telefon Bimbit : 012-6358065

Tarikh : 7 Januari 2020

PENGHUJUNG TVET DI MALAYSIA

1. Sebelum YB Dr. Maszlee bin Malik mengumumkan peletakan jawatan beliau sebagai Menteri Pendidikan Malaysia pada 2 Januari 2020, beliau telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet Pemerksaan TVET (JKKPTVET) berikutan kelulusan Kabinet pada 14 Ogos 2019 yang terdiri dari lapan (8) kementerian dalam membangunkan pangkalan data yang merangkumi maklumat mengenai permintaan industri.
2. Merujuk kepada kenyataan akhbar *The Star* pada 22 Disember 2019 yang lalu, YB Dr. Maszlee bin Malik telah menyatakan bahawa satu sistem data yang besar berkaitan dengan Pendidikan dan Latihan (TVET) sedang dirancang bersama dengan lapan (8) kementerian tersebut. Kenyataan akhbar tersebut juga memaklumkan bahawa Kempen promosi TVET sedang giat dijalankan. Hasrat YB Dr. Maszlee bin Malik ketika itu untuk memastikan kejayaan sistem TVET Malaysia boleh menjadi contoh kepada Negara-negara lain.

.../2/



**KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA
(National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia)**

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 6258 2946 (Ibu Pejabat)

Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725 Fax : 03-6253 0261

E-mel: mail@nutp.org.my / nutphq@gmail.com Laman Web: <http://www.nutp.org.my>

f : Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia @nutphq

Presiden

Sdr. Aminuddin Bin Awang

Setiausaha Agung

Lt. Kol. Bersekutu (PA) Harry Tan Huat Hock, PJK

-2-

3. NUTP juga menyokong penuh dan berharap hala tuju TVET diteruskan demi masa depan anak-anak bangsa Malaysia agar hasrat kerajaan menjadikan Malaysia setaraf dengan Negara maju yang lain menjadi kenyataan. NUTP juga turut menekankan agar kemelut TVET yang melanda kini dapat diselesaikan.
4. Tiga institusi di Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu Politeknik, Kolej Komuniti dan Kolej Vokasional bersaing untuk mendapatkan pelajar. Politeknik dan Kolej Komuniti menawarkan *Malaysian Qualification Agency* (MQA) sedangkan Kolej Vokasional menawarkan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan MQA. Sedangkan mereka di bawah bidang yang sama. Sebagai contoh Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan serta beberapa kementerian lain lagi yang menawarkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).
5. Keadaan ini akan merugikan Negara kerana sumber-sumber yang ada perlu dibahagikan sedangkan ia boleh diurus dengan lebih berkesan dan teratur.

**LT. KOL. BERSEKUTU (PA) HARRY TAN HUAT HOCK, PJK
SETIAUSAHA AGUNG NUTP**